

PEMILIHAN KOSA KATA DALAM PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN ASAS BAHASA ARAB UNTUK PELAJAR WARGA EMAS

Nor Yazidah Yahya, Che Radiah Mezah,
Nik Farhan Mustapha & Mohd Sukki Othman

ABSTRAK

Mutakhir ini pembelajaran bahasa Arab telah mendapat tempat dalam kalangan orang awam dewasa sehingga kepada warga emas yang terdiri dari pelbagai latarbelakang . Terdapat banyak bahan atau modul pembelajaran telah diusahakan untuk memenuhi minat yang semakin meningkat ini. Namun begitu bahan yang digunakan di dalam modul kurang mengambil kira pendekatan dan prinsip pembelajaran dewasa andragogi. Bahan yang dihasilkan di pasaran agak berat dan membataskan motivasi orang awam, terutamanya warga emas untuk mempelajari bahasa Arab. Kosa kata yang diperkenalkan kurang menepati keperluan belajar bahasa Arab warga emas. Kajian ini berusaha merekabentuk suatu modul pembelajaran asas bahasa Arab khusus untuk pelajar warga emas . Rekabentuk akan dibina berdasarkan langkah-langkah reka bentuk instruksi yang terdiri daripada lima fasa utama, iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian modul berasaskan teori dan prinsip pembelajaran dewasa Knowles. Kosa kata adalah instrumen asas bagi menyampaikan idea dan subkemahiran bahasa yang perlu diberikan perhatian dan dikuasai dengan baik oleh pelajar bahasa. Pemilihan kosa kata adalah satu aspek yang dititikberatkan dalam pembinaan modul pembelajaran bahasa. Artikel ini berusaha untuk menekankan bahawa pemilihan kosa kata yang tepat dan bersesuaian dengan psikologi warga emas akan membantu pemerolehan bahasa dalam kalangan mereka.

Kata kunci: modul pembelajaran , bahasa Arab , pembelajaran bahasa, kosa kata, andragogi, warga emas

SELECTION OF VOCABULARY IN MODULES DEVELOPMENT OF LEARNING BASIC ARABIC FOR SENIOR LEARNERS

Abstract

Lately the learning of Arabic language has caught fire among the public to the extent that senior citizens of the various backgrounds. Available are many modules and materials constructed to satisfy amounthing passions. Nevertheless materials used in modules lack considerations in approches and learning principles for senior citizen andragogy. Material available in the market are heavy and discouraging to the public especially the senior citizens to learn Arabic language. The reseacrh is trying to design a Basic Learning module of Arabic language especially for senior citizens. The design is constructed based on steps of instructions consisting of five main phases which are analysis, design , development, implementation and module evaluation setting on Knowles's theory and principles of learning senior adults. Vocabulary is the basic instrument to convey ideas and sub skills of language which need neseccessary emphasised and very well mastered by the language learners. The selection of vocabulary is an emphasized aspect in the development of language-learning modules. The article seeks to put more weight on the appropriate and exact vocabularies suitable to the psychology of the senior learners which hopefully will help the acquisition of language among them.

Keywords: *learning module, language learning, vocabulary, andragogy, senior learners*

PENGENALAN

Mutakhir ini keghairahan untuk belajar bahasa Arab dalam segenap lapisan masyarakat Islam semakin meningkat termasuklah dalam kalangan warga emas. Menurut Che Radiah & Raja Masittah (2011), golongan warga emas adalah di antara golongan yang paling ramai mengikuti kelas-kelas pengajian bahasa Arab ini sama ada secara formal mahupun informal di masjid, surau, institusi pendidikan bahasa Arab awam mahupun swasta dan sebagainya. Pelajar warga emas telah memilih bahasa Arab sebagai bahasa yang ingin dipelajari bagi memenuhi keperluan utama mereka untuk mendalami agama, melalui kefahaman jitu terhadap kandungan al-Quran dan Hadis serta sebagai suatu usaha ke arah pemantapan kualiti ibadah harian mereka.

Namun modul yang bersesuaian untuk menjadi panduan dalam memenuhi kehendak dan matlamat mereka mempelajari bahasa al-Quran ini masih belum diusahakan sebaiknya. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Suhaila et.al (2012) yang menyatakan bahawa modul pengajaran dan pembelajaran yang terdapat di pasaran belum dapat memenuhi kehendak khalayak ramai termasuklah warga emas yang juga merupakan antara pelajar utama bahasa ini.

Oleh itu, kajian ini berusaha untuk menyediakan modul pembelajaran, serta merangka pendekatan atau teknik terbaik dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang sesuai khasnya untuk warga emas. Kajian ini sangat penting agar usaha warga emas dalam mempelajari bahasa Arab menjadi suatu yang benar-benar berhasil dan matlamat pembelajaran mereka tercapai. Kajian ini akan memastikan persediaan dan perancangan pengajaran yang dibina menitikberatkan pemilihan kosa kata yang tepat dengan mengambil kira kepada keperluan dan kehendak sebenar warga emas tersebut. Aspek fisiologi, psikologi, situasi kehidupan, latar belakang dan pengalaman mereka disepadukan bersama dengan teori pembelajaran dewasa Knowles (*andragogi*) adalah asas utama dalam memilih kosa kata yang berkesan kepada golongan ini.

Al-Naqah (1985:161) menegaskan kepentingan penguasaan kosa kata di kalangan pelajar asing kerana kosa kata merupakan langkah pertama dalam mempelajari bahasa tersebut. Kosa kata merupakan alat yang membawa makna dan kaedah untuk berfikir. Dengan kosa kata ini, seseorang mampu berfikir kemudian menterjemahkan pemikirannya kepada ayat-ayat yang memberi makna yang dikehendakinya. Pada kebiasaannya, kosa kata dapat dikuasai melalui kemahiran mendengar dan membaca, seterusnya melalui kemahiran bercakap dan menulis. Ini menunjukkan bahawa kosa kata hendaklah dipelajari melalui ayat atau ungkapan. Beliau turut membincangkan pendekatan menguasai kosa kata dengan dipelajari melalui tema-tema yang selalu digunakan oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka.

ISU PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN WARGA EMAS

Bahan pembelajaran atau modul bahasa Arab untuk pelajar dewasa masih boleh dikategorikan sebagai amat sedikit sekali di pasaran. Malah kebanyakannya kurang menghiraukan aspek psikologi, sosial,

dan tujuan pelajar belajar bahasa Arab. Kegagalan sesetengah institusi atau pusat pengajaran bahasa Arab untuk menyediakan suatu program pembelajaran yang menepati matlamat, tujuan dan keperluan warga emas untuk mempelajari bahasa tersebut telah merencatkan kesungguhan dan motivasi mereka untuk terus mengikuti pengajian tersebut. Terdapat bahan atau kandungan pelajaran yang terlalu banyak jika dibandingkan dengan tahap pelajar yang baru berada pada peringkat permulaan. Walhal, memahami pendekatan dan prinsip belajar warga emas adalah penting bagi setiap pengajar bahasa juga penggubal kurikulum untuk menghasilkan pengajaran yang menarik dan berkesan dan tidak menjemukan (Che Radiah Mezah et. al, 2011). Bahan pembelajaran modul bahasa Arab bagi pelajar dewasa sepatutnya tidak menumpukan kepada tatabahasa Arab semata.

Menurut (Tu'aymah, Rushdi Ahmad, 1989) sesuatu bahan pengajaran bermaksud segala pengalaman pendidikan, hakikat, maklumat, nilai serta kemahiran yang perlu dibekalkan dan diperkembangkan serta dikuasai oleh pelajar untuk tujuan mencapai pembangunan yang sempurna dan lengkap berdasarkan objektif yang ditetapkan dalam sukatan. Beliau juga menekankan kepentingan pengajaran kosa kata dengan menegaskan bahawa pembelajaran kosa kata dalam pembelajaran bahasa merupakan asas utama dan keperluan dalam belajar bahasa kedua.

Menguasai kosa kata bermakna pelajar mampu menyebut perkataan dengan sebutan yang betul, memahami maknanya dengan tepat mengikut kehendak ayat, mengetahui pola pecahan dan terbitannya serta mengetahui kaedah membina ayat lengkap. Malahan, Abd al-Hamid Abdullah dan Nasir Abdullah al-Ghali dalam buku mereka yang bertajuk "*Usus Idad al-Kutub al-Talimiyyah li Ghayr al-Naṭiqan bi al-Arabiyyah*" (1991) telah menyatakan bahawa, ada tiga unsur utama yang perlu ada dalam setiap bahan tersebut. Salah satu unsur tersebut ialah unsur psikologi. Oleh itu tema dalam bahan pembelajaran dewasa terutama warga emas sudah tentunya berbeza dengan apa yang disediakan dalam modul asas yang digunakan oleh pengajar dan pelajar di IPTA.

Walaupun modul tersebut sesuai untuk pelajar yang baru mempelajari bahasa Arab, namun bahan tersebut disediakan untuk pelajar pendidikan tinggi yang mempunyai unsur psikologi yang berbeza

dengan pelajar dari kalangan warga emas Perkara utama dalam pembinaan modul warga emas ialah pemilihan kosa kata yang tepat bagi makna yang diungkapkannya sesuai dengan tema agama. Pelajar bukan hanya diminta menghafal kosa kata tanpa mampu menggunakan perkataan tersebut dalam membina ayat. Pemilihan kosa kata adalah yang selalu diulang supaya pelajar dapat menggunakannya ketika perlu dengan lebih mudah. Kadar minima bilangan tertentu tidak menjadi pengukur dalam menguasai kosa kata ini. Perkara yang penting ialah pelajar menguasai kosa kata utama yang sentiasa digunakan dan beliau mampu menggunakannya ketika menggambarkan sesuatu peristiwa atau situasi

PEMBELAJARAN DEWASA

Motivasi pelajar warga emas berbeza dari pelajar mana-mana institusi kerana mereka belajar secara sukarela dan cuba untuk memenuhi tuntutan persekitaran mereka sebagaimana yang disebut sebagai pembelajaran sepanjang hayat. Menurut Knassel, Meed dan Rossatti (2000), kepentingan pembelajaran sepanjang hayat ini dapat dikenal pasti menerusi tiga sebab utama yang dikenali juga sebagai "*The Three Es*", iaitu *employment* (pekerjaan), *empowerment* (memberi kuasa) dan *enjoyment* (keseronokan).

Jika pada peringkat orang perseorangan, pembelajaran sepanjang hayat merupakan satu kelebihan bagi mendapatkan peluang pekerjaan tetapi pada peringkat syarikat mahupun negara, ia merupakan pemangkin utama untuk meningkatkan penguasaan pasaran dan mencapai daya saing ekonomi yang mapan. Seterusnya, pembelajaran sepanjang hayat juga merupakan satu keseronokan (*enjoyment*) kepada mereka yang cinta akan ilmu pengetahuan dan sesuatu yang baharu. Tidak dinafikan bahawa belajar kerana seronok akan memudahkan lagi usaha memahami atau menghayati sesuatu perkara dan seterusnya akan mendorong seseorang itu untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang perkara tersebut. Oleh itu dalam usaha untuk membantu pelajar warga emas belajar, unsur psikologi, pengalaman dan sosial mereka sangat penting difahami dalam merancang pembelajaran mereka sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Malcom Knowles 1980 dalam salah satu prinsip andragogi.

Malcom Knowles menganggap andragogi adalah satu seni dan sains untuk membantu pembelajaran orang dewasa. Pembelajaran dewasa

ialah satu konsep, iaitu aktiviti yang sengaja diadakan bagi pembangunan orang dewasa. Pembangunan di sini bermaksud peningkatan kesedaran, penambahan pengalaman dan pengetahuan (RWK Paterson 1979). Jika kita menyelusuri sirah kita akan dapati Rasulullah SAW sendiri amat mementingkan kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk memahami ajaran Islam. Sabda Rasulullah ini patut diambil sebagai batu asas dalam pembelajaran dewasa iaitu

خاطبوا الناس على قدر عقولهم

“Berkomunikasilah dengan manusia mengikut kadar aqal mereka”

Hadis ini mengandungi makna yang sangat mendalam apabila umat Islam diminta untuk berkomunikasi dengan manusia sekeliling mereka dengan melihat perbezaan usia, pengalaman, pengetahuan dan latar belakang mereka agar proses penyampaian maklumat atau pembelajaran berlaku dengan lancar. Banyak catatan sirah baginda yang mempamerkan bagaimana Rasulullah mendahului teori ini dalam tingkah laku baginda. Sebagai contoh Rasulullah memberi jawapan yang berbeza kepada soalan yang sama bergantung pada perbezaan penyoal agar setiap jawapan bersesuaian dengan pengalaman, pengetahuan dan latar belakang masing-masing dan menjawab permasalahan mereka yang berbeza.

Knowles (1980) menganggap orang dewasa berupaya bertindak ke arah sendiri dan bertanggungjawab terhadap keputusan yang diambil. Oleh itu Knowles mencadangkan sebarang program pembelajaran dewasa perlu bersesuaian dengan andaian-andaian andragogi iaitu:

1. Orang dewasa perlu mengetahui mengapa mereka perlu mempelajari sesuatu;
2. Orang dewasa perlu belajar melalui pengalaman;
3. Orang dewasa melihat pembelajaran sebagai penyelesaian masalah
4. Orang dewasa akan belajar dengan baik apabila topik itu berguna kepada mereka

Daripada andaian andragogi yang dicetuskan oleh Knowles, banyak tokoh lain turut mengembangkan idea ini dengan melahirkan model dan prinsip-prinsip andragogi yang kukuh yang boleh dijadikan asas pembelajaran dewasa bagi semua pihak yang ingin membantu orang dewasa belajar.

Berdasarkan penulisan Knowles selama lebih 30 tahun, dapatlah dirumuskan lima prinsip andragogi seperti berikut:

- i. Semakin individu dewasa, semakin mereka menjadi lebih terarah sendiri.
- ii. Orang dewasa mempunyai himpunan pengalaman yang boleh menjadi sumber pembelajaran yang kaya.
- iii. Orang dewasa menjadi bersedia untuk belajar apabila timbul keperluan untuk mengetahui sesuatu.
- iv. Orang dewasa kurang berpusatkan subjek/mata pelajaran berbanding kanak-kanak, sebaliknya mereka lebih berpusatkan masalah.
- v. Bagi orang dewasa, pendorong paling kuat adalah dalaman (*internal*).

Sebagai kesimpulan dari prinsip pembelajaran andragogi Knowles yang diutarakan, seharusnya bahan pengajaran yang dirancang mengambil kira aspek aspek tertentu. Bahan pengajaran perlu dipilih agar ia bermanfaat kepada pelajar dewasa melalui teknik dan pendekatan pengajaran yang menarik bagi mencapai tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing khususnya bahasa Arab.

Oleh itu seharusnya bahan pengajaran yang dirancang untuk pembelajaran dewasa perlu dipilih dengan mengambil kira aspek aspek tertentu dalam prinsip andragogi agar ia bermanfaat kepada pelajar dewasa, khasnya warga emas. Maka pemilihan kosa kata adalah sangat penting untuk mengisi proses pembinaan modul warga emas agar bertepatan dengan tujuan mereka mempelajari bahasa Arab.

REKABENTUK PEMBINAAN MODUL

Proses pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab untuk warga emas ini adalah berlandaskan—model ADDIE. Model ADDIE ini mengandungi lima peringkat atau fasa dalam mereka bentuk bahan pengajaran dan pembelajaran iaitu A - *Analysis* –(analisis), D - *Design* (reka bentuk) , D - *Develop* (pembangunan), I – *Implement* (pelaksanaan) dan E - *Evaluation* (penilaian). Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya akan membincangkan bahagian kedua iaitu proses reka bentuk modul sahaja.

Pengkaji telah memanfaatkan satu analisis keperluan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan warga emas yang telah dilakukan

oleh Husaini (2014) untuk mengetahui tujuan mereka mempelajari bahasa serta mengenal pasti kemahiran, tema dan aktiviti yang sesuai. Kajian tersebut telah berjaya menyenaraikan objektif dan matlamat pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan warga emas :

1. Faktor warga emas mempelajari bahasa Arab berkait rapat dengan keperluan hakiki mereka di usia emas dan terbahagi kepada tiga tujuan utama iaitu faktor agama, faktor komunikasi dan faktor kemasyarakatan yang menjurus kepada sumbangan terhadap komuniti.
2. Faktor agama dan faktor komunikasi adalah selari dengan dapatan beberapa kajian terhadap golongan dewasa sebelum ini seperti dapatan kajian yang dijalankan oleh Ali Mahmud 'Abud (1980), Hamidun (1988), Ahmad Hassan (1984), Nik Mohd Rahimi (1992), Abdul Wahab (1983) dan Taha (1994), Mohd Puzhi & Mohammad Seman (2010), Che Radiah & Masittah (2011), dan Mohd Shahrizal et.al (2012).
3. Golongan warga emas menyedari pentingnya mendalami ilmu agama menerusi pemahaman terhadap isi kandungan al-Quran dan Hadis. Kesedaran terhadap pentingnya pelaksanaan ibadah yang tepat dan betul mendorong mereka mempelajari bahasa Arab agar dapat memperbaiki mutu ibadah khususnya yang melibatkan bacaan dalam solat, bacaan al-Quran, doa-doa, zikir dan sebagainya.

Kajian tersebut juga telah berjaya menyenaraikan bahan pembelajaran yang sesuai untuk warga emas dari sudut tema agama dan komunikasi serta unsur bahasa. Fasa reka bentuk dan pembangunan modul melibatkan perincian aktiviti yang perlu dilaksanakan dalam proses mereka bentuk modul supaya menepati objektif pembelajaran sebagaimana yang diinginkan. Aktiviti utama dalam fasa reka bentuk ini dijalankan berdasarkan teori pembelajaran dewasa (andragogi) dan model pembinaan modul. Pembinaan modul yang telah dilaksanakan juga telah menjadikan dapatan analisis keperluan sebagai *blueprint* atau tulang belakang perancangan dalam proses mereka bentuk modul

PEMILIHAN KOSA KATA

Kosa kata Arab merupakan elemen penting yang perlu dikuasai untuk menguasai bahasa Arab dan kemahiran asas bahasanya iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Rahmawati(2008) menjelaskan tentang pengertian kosa kata, iaitu himpunan kata yang

merupakan sebahagian dari sebuah bahasa dan memiliki makna tertentu. Himpunan kata yang bermakna ini digunakan sebagai media untuk menggambarkan maksud hati dan gambaran terhadap suatu hal. Seseorang akan mampu dan lancar berkomunikasi apabila kosa kata yang dimilikinya dapat memenuhi keperluan untuk melakukan kegiatan komunikasi tersebut. Kosa kata merupakan syarat utama bagi seseorang untuk boleh berkomunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan

Rusydi Ahmad Tu'aimah (1989:195) telah menggariskan panduan penting dalam pemilihan kosa kata yang akan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab :

1. kekerapan penggunaannya di dalam al-Quran dan Hadis
2. meluas penggunaannya di kebanyakan Negara Arab
3. kosa kata yang biasa digunakan dalam percakapan
4. kosa kata yang boleh digunakan meliputi berbagai-bagai bidang
5. kosa kata yang mempunyai banyak kepentingan dalam kalangan pelajar
6. guru mengutamakan perkataan Arab berbanding kata serap atau pinjaman dari bahasa asing yang lain

Penguasaan bahasa dilihat berkait rapat dengan jumlah kosa kata yang dikuasai kerana dapat memberikan kesan kepada kefahaman dalam bacaan, kepetahan bertutur dan kemahiran menulis (Che Radiah Mezah 2013). Pengkaji telah mengambil kira faktor warga emas mempelajari bahasa Arab yang utama, iaitu faktor agama dalam memilih tema dalam pembinaan modul. Sumber utama bagi pemilihan kosa kata ialah kosa kata dari al-Quran. Sarjana Islam mahupun barat telah banyak mengkaji kosa kata al-quran sehingga terhasilnya berbagai bahan yang boleh dimanfaatkan untuk pembelajaran bahasa Arab seperti korpus kata di dalam al-Quran, kekerapan perkataan, kosa kata asing dalam al-Quran, homonim dalam al-Quran dan sebagainya.

Pengkaji telah menggunakan terjemahan al-Quran perkata untuk kesemua ayat al-Quran yang digunakan sebagai contoh atau sebagai soalan di dalam modul. Terjemahan al-Quran perkata adalah salah satu bahan pembelajaran al-Quran berfokuskan kepada kosa kata yang banyak membantu penguasaan bahasa Arab (Nur Zawani Mohamad Din :2016). Sebagai contoh penggunaan ayat dari Surah al A'raf ayat

180 sebagai bahan untuk kemahiran membaca dipersembahkan seperti berikut di dalam unit satu yang bertemakan *asmaul husna*

contoh 1 :

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا
dengan-Nya maka bermohonlah kepada-Nya yang baik nama-nama Dan Allah mempunyai

Ia boleh dibuat perbandingan dengan terjemahan “Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia) maka serulah (dan berdoalah) kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu”

contoh 2

digunakan sebagai contoh ayat yang menunjukkan *harf “fi “* sebagai kata tugas :

الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ
di dalam kaca pelita itu

Terjemahan biasa ialah “lampu itu dalam geluk kaca(qandil)”

Terjemahan al-Quran prakata ini lebih membantu pelajar warga emas mengecam bentuk perkataan dan mendapatkan makna seterusnya menggabungkan perkataan dan makna dalam ingatan. Peringkat penguasaan kosa kata baharu iaitu mengecam, mendapatkan makna, menggabungkan perkataan dan makna dalam ingatan. Peringkat penguasaan kosa kata bagi bahasa kedua ini dibincangkan dengan teliti oleh Hatch, Brown (1995) dan Ellis (1997). Pengkaji juga meletakkan glosari makna perkataan di sebelah teks kosa kata dalam setiap unit untuk memudahkan pelajar warga emas membuat rujukan dan melalui proses penguasaan kosa kata sebagaimana yang dibincangkan dalam konsep dan peringkat penguasaan kosa kata.

Sebagaimana modul asas pembelajaran bahasa, modul ini juga meletakkan pengenalan huruf Arab sebagai mukaddimah. Namun dalam modul ini pengenalan huruf Arab ditekankan dalam bentuk membetulkan sebutan huruf dan mengenali *makharij huruf*. Apa yang menarik ialah kosa kata yang digunakan untuk mempraktikkan sebutan huruf diambil dari 99 nama Allah. Pengkaji mengenengahkan tema akidah dari *asmaul husna* berasaskan perkataan di dalam al-Quran

dalam pemilihan kosa kata. *Asmaul husna* adalah merupakan jumlah kosa kata yang besar yang berulang-ulang di dalam al-Quran. Pemilihan kosa kata *asmaul husna* yang tidak asing dengan pelajar warga emas bertepatan dengan pengalaman sedia ada dalam kalangan mereka. Ini bersesuaian dengan prinsip psikologi yang selari dengan sistem ingatan dalam pembelajaran kosa kata. Salah satu motivasi pelajar warga emas untuk mendalami bahasa Arab adalah untuk meningkatkan hubungan mereka dengan Allah Maha Pencipta . Maklumat yang bermakna dan berkesan pada emosi pelajar akan mudah diingat berbanding maklumat yang tidak bermakna kepada seseorang (Thelen 1986).

Tajuk yang dipilih untuk menjadi tajuk kosa kata adalah tajuk tema agama seperti *asmaul husna*, *al-Quran al-karim kalam Allah*, *hiwar baina abd wa rabbihi (alfatihah)*, *al-ikhlas* dan *al-istighfar*. Teks kosa kata yang digunakan adalah dari sumber al-Quran atau hadis yang merupakan amalan harian seperti bacaan dalam solat, zikir harian dan doa-doa yang sering diamalkan. Kata hikmah yang mudah dan ringkas juga dimasukkan sebagai bahan pengukuhan di dalam latihan penulisan.

Pemilihan kosa kata dari ayat al-Quran pula mengambil contoh dari surah-surah pilihan yang sering dibaca oleh warga emas. Surah *Yasin* adalah satu surah yang sangat popular dan sering dibaca oleh masyarakat Melayu di dalam berbagai majlis. Begitu juga surah pilihan yang lain seperti Surah *al Kahfi*, *al Waqiah*, *al Sajadah* dan surah-surah lazim.


Contoh 3

Penggunaan kosa kata dari surah *Yasin* ayat 16



Contoh 4

Penggunaan kosa kata dari surah *al-ikhlas* ayat 1



kedua ayat di atas dipetik sebagai contoh penggunaan gantinama *dhomir munfasil* dan *dhomir muttasil* dalam satu ayat dari surah yang biasa dibaca oleh pelajar warga emas.

Pengkaji telah memilih nama surah dalam al-Quran sebagai senarai kosa kata yang perlu diketengahkan bukan sahaja kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan ajaran islam dan kehidupan tetapi juga kaitannya yang rapat dengan kosa kata bahasa Arab. Dari senarai nama surah pelajar boleh diperkenalkan dengan kosa kata nama *jamak dan mufrad* , *muzakkar dan muannas* . kosa kata nama haiwan, nama buah, nama kejadian alam, nama waktu dan kata sifat.

Dalam unit kelima Surah *al-Fatihah* dipersembahkan dalam bentuk dailog berdasarkan hadis qudsi yang memperlihatkan jawapan dari Allah terhadap setiap ayat yang dibaca oleh hambaNya dalam surah tersebut. Pemilihan tema dan kosa kata dari surah dan hadis qudsi ini mampu merangsang motivasi dan emosi pelajar untuk menguasai kosa kata kerana ia sangat berkait dengan ibadah solat dan munajat kepada Allah.

Istighfar juga adalah satu amalan yang sangat sinonim dengan warga emas yang mendahului taubat di atas kesilapan yang telah dilakukan semasa muda. Hadis mengenai fadilat penghulu istighfar dipilih sebagai teks kosa kata. Ia bukan sahaja teks kosa kata yang sesuai untuk dihafal tetapi juga boleh digunakan untuk memperkenalkan *dhomir munfasil* dan *dhomir muttasil* .

Doa pilihan yang menjadi teks kosa kata ialah doa membaca al-Quran, doa masuk dan keluar dari masjid, doa mengunjungi orang sakit, doa bermusafir dan doa kasihsayang. Kefahaman terhadap doa berikut boleh membantu meningkatkan hubungan pelajar bahasa Arab bukan sahaja dengan Allah Penciptanya tetapi juga dengan orang yang mereka sayangi dari kalangan keluarga, sahabat dan lain-lain.

Satu pendekatan yang harus diambil perhatian ialah mengenai kosa kata bahasa Melayu yang sering digunakan di Malaysia, kebanyakannya adalah berasal dari bahasa Arab. Perkataan Melayu yang dipinjam dari Arab dan penyerapan istilah-istilah yang terpakai menjadi faktor pembantu baqi pelajar, lebih-lebih lagi mereka yang dapat menguasai tulisan jawi kerana separuh dari perkataan pinjaman

tersebut masih kekal dalam bentuk ejaan Arab asal. Mat Taib Pa (2012) menyatakan bahawa jumlah kata pinjaman bahasa Arab yang diserap masuk ke dalam bahasa Melayu memberi pengaruh yang besar terhadap penguasaan bahasa Arab khususnya dalam kalangan pelajar di Malaysia. Terdapat sebanyak 1700 perkataan Arab masih digunakan kini (Syed Naquib : 89). Dan Kamus *alhamidiy* telah menyenaraikan 2000 patah perkataan bahasa Arab yang telah dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu (Mustafa Daud:1996). Faktor ini tidak kurang pentingnya bagi membantu pelajar memahami bahasa yang dipelajarinya di samping dapat mengumpul kosa kata dari bahasa tuturan hariannya (Siti Saudah : 1993). Abd al Raziq Hassan menegaskan penggunaan kata serapan ini boleh mendorong kesungguhan dan memudahkan proses pembelajaran bahasa Arab terutama di peringkat asas.

Modul asas pembelajaran bahasa Arab berusaha memberikan sebanyak mungkin kosa kata pinjaman yang sering digunakan di dalam perbualan harian. Sebagai contoh di dalam unit kedua satu soalan telah diberikan kepada pelajar untuk menentukan mana kalimah *muzakkar* dan *muannath*. Satu senarai kata nama telah diberikan dan kesemua kata nama tersebut adalah kata pinjaman bahasa Arab yang telah dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu.

Jadual (1): Kata Pinjaman Arab yang DiMalayukan

المؤنث	المذكر	الإسم	المؤنث	المذكر	الإسم
		مَسْجِدٌ			دِينٌ
		مَجَلَّةٌ			قَامُوسٌ
		أُسْتَاذٌ			حِسَابٌ
		حِفْظٌ			قَلَمٌ
		مَحْكَمَةٌ			مَدْرَسَةٌ
		مُسَافِرٌ			أَخْتٌ
		زِيَارَةٌ			تَفْسِيرٌ
		قَاضٍ			أُسْتَاذَةٌ
		كُرْسِيٌّ			تِلَاوَةٌ
		أُمٌّ			رَسُولٌ
		أَذَانٌ			تَهْلِيلٌ
		بِنْتُ			وَقْتُ
		قِصَّةٌ			هَدِيَّةٌ
		كِتَابٌ			وَلِيْمَةٌ

Proses pembelajaran kosa kata pinjaman seperti di atas dapat memberikan manfaat kepada pelajar dan memudahkan mereka mengingat perkataan tersebut .

Modul ini juga disusun untuk memperkenalkan kepada pelajar warga emas perbualan yang mudah dan boleh diaplikasikan dalam kalangan mereka mengikut situasi yang berbeza. Beberapa tema perbualan yang dipilih ialah seperti perbualan yang menggunakan kosa kata yang mudah untuk memulakan perkenalan, perbualan di masjid, perbualan di kedai makan, perbualan di hospital dan perbualan sesama keluarga. Ungkapan yang mudah yang biasa digunakan di Negara Arab untuk meraikan sahabat dijadikan keutamaan seperti

**Jadual (2): Frasa Bahasa Arab
dalam Perbualan Harian**

Bil	السَّلَامُ عَلَيْكُمْ - عَلَيْكُمُ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ
1	كَيْفَ حَالُكُمْ
2	أَنَا بِخَيْرٍ الْحَمْدُ لِلَّهِ .
3	أَهْلًا وَسَهْلًا
4	بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ
5	فِي حِفْظِ اللَّهِ وَرَعَايَتِهِ.
6	جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا كَثِيرًا
7	شَفَاكَ اللَّهُ شِفَاءً عَاجِلًا
8	أَنَا بِخَيْرٍ الْحَمْدُ لِلَّهِ .
9	فُرْصَةٌ سَعِيدَةٌ

Tajuk *al amal lillah* adalah berasaskan keikhlasan kepada Allah dalam setiap amalan. Tajuk kosa kata ini didatangkan dalam bentuk perbualan mengenai pekerjaan yang mengajak pelajar melihat semua pekerjaan adalah penting selagi ia dilakukan ikhlas kerana Allah. Tema ikhlas ini dikuatkan lagi dengan petikan hadis masyhur iaitu hadis mengenai niat. Pengenalan ringkas mengenai tatabahasa Arab diselitkan secara tidak langsung dalam setiap tajuk tanpa pendekatan yang meleret dan mengelirukan. Beberapa kosa kata istilah asas diperkenalkan seperti *muzakkar* (lelaki), *mu'annath* (perempuan), *mufrad* (tunggal) dan *jama'* (kata ganda) , *ism al- isyarah* (kata tunjuk), *ad-damir* (ganti nama) dan *fi'l* (kata kerja). Ia diperkenalkan secara mudah dengan menggunakan teks yang telah mereka pelajari . Kosa kata yang dipilih ialah yang banyak berulang di dalam al-Quran seperti *ad-damir* (ganti

nama tidak memperkenalkan kesemua empat belas gantinama tetapi memperkenalkan enam kosa kata *ad-damir* (ganti nama) sahaja.

Jadual (3): Gantinama Bahasa Arab	
481	هو
444	هم
135	أنتم
81	أنت
86	نحن
68	أنا

Setiap unit diikuti dengan latihan kosa kata yang berbagai bentuk samada lisan atau bertulis untuk meningkat kemahiran berbahasa di kalangan pelajar. Arahan soalan dalam latihan disediakan terjemahan dalam bahasa melayu. Latihan yang disediakan bermula dengan aras kefahaman yang mudah untuk menarik minat pelajar. Latihan di dalam kelas juga mengelakkan penulisan yang banyak kerana mengambil kira kepelbagaian tahap kemahiran pelajar dalam menulis tulisan Arab. Sebaliknya pelajar diberi peluang yang luas untuk meningkat kemahiran menulis dengan membekalkan pelajar lampiran kerja rumah yang senang dan tidak memerlukan bantuan guru. Latihan asas penulisan disediakan untuk pelajar dengan memperkenalkan kosa kata dalam bentuk kata hikmah yang mudah dan bermanfaat. Latihan penulisan secara berulang-ulang terhadap kosa kata tersebut dapat memberi ruang kepada pelajar untuk mengingat kosa kata yang dipelajari dan dihayati maknanya.

Persembahan kosa kata juga diselitkan dengan imej yang bersesuaian untuk memudahkan pelajar mengingat makna kosa kata. Berikut adalah Jadual Pemetaan Modul secara keseluruhan.

Jadual 4: Jadual Pemetaan Modul

Tajuk kosa kata teks/ hiwar	latihan pemahaman & kosa kata	Bacaan tambahan	tema agama/ komunikasi	tatabahasa	latihan tatabaha sa	Kosa kata tambahan
<i>asmaul husna</i>	3 latihan	makharij huruf	asas akidah	<i>alif syamsiah / qamariyah</i>	2 latihan	partikel <i>alif lam</i>
<i>Assalam alaikum</i>	3 latihan	hadis dan salam	asas taaruf	<i>muzakkar muannas</i>	2 latihan	kata sifat
<i>alquran kalamulla h</i>	3 latihan	doa belajar quran	alquran	<i>jenis jamak</i>	2 latihan	nombor 1-10
<i>al amal lillah</i>	3 latihan	hadis niat	pekerjaan	<i>isim isyyarah</i>	2 latihan	nama pekerjaan
<i>hiwar baina abd</i>	3 latihan	doa masuk dan keluar masjid	ibadah	<i>huruf jar</i>	2 latihan	Arah tempat
<i>almahabb ah fillah</i>	3 latihan	doa hub	habl minnas	<i>dhomir munfasil</i>	2 latihan	<i>dhomir muttasil</i>
<i>sayyid istighfar</i>	3 latihan	doa ibubapa	ibadah	<i>adawat istifham</i>	2 latihan	<i>adawat istifham</i>
<i>Ziaratul marid</i>	3 latihan	doa syifa	habl minnas	<i>Fi'l madhi</i>	2 latihan	penyakit
<i>Safaran mubarak</i>	3 latihan	doa safar	habl minnas	<i>Fi'l mudhori'</i>	2 latihan	nama hari / nama bulan
<i>Sadiq hamim taqyim</i>	3 latihan <i>taqyim</i>	doa makan <i>taqyim</i>	di kedai makan <i>taqyim</i>	<i>Fi'l- amr taqyim</i>	2 latihan <i>taqyim</i>	nama makanan <i>taqyim</i>

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Pemilihan kosa kata yang berdasarkan faktor keperluan pelajar mempelajari bahasa Arab diterima dengan baik oleh pelajar. Kesemua pelajar rintis yang mengikuti pembelajaran menggunakan modul telah menyatakan ketepatan pemilihan tema dan kosa kata dengan matlamat mereka belajar bahasa Arab. Tajuk kosa kata yang paling diminati ialah *asmaul husna* dan surah *al fatihah* yang dijadikan dailog berdasarkan hadis qudsi. Kosa kata istilah dalam bahasa Arab yang diperkenalkan di disepakati sebagai mudah difahami dan merangsang minat mereka untuk mengetahuinya dengan lebih lanjut. Penggunaan terjemahan prakata bagi contoh ayat-ayat al-Quran juga sangat diminati dan banyak membantu mereka menambahkan penguasaan kosa kata bahasa Arab. Pelajar juga mendapati latihan asas penulisan sebagai kerja rumah adalah satu aktiviti pengukuhan yang menarik dan meningkatkan kemahiran asas penulisan mereka. Mereka sangat

bersetuju dengan pemilihan kosa kata bagi aktiviti asas penulisan yang berkait dengan tema unit yang dipelajari.

Jelas di sini bahawa pembelajaran sepanjang hayat bagi pelajar warga emas ini merupakan satu keseronokan kepada mereka yang cinta akan ilmu pengetahuan dan sesuatu yang baharu. Tambahan pula bahan pembelajaran sangat berkait dengan tema ibadah dan akidah yang menjadi faktor kuat dan motivasi yang ampuh bagi mereka mempelajari bahasa Arab. Oleh itu dalam usaha untuk membantu pelajar warga emas belajar, unsur psikologi, pengalaman dan sosial mereka sangat penting difahami dalam merancang pembelajaran mereka sebagaimana yang telah dinyatakan dalam salah satu prinsip andragogi.

RUJUKAN

- Abu Hamzah Yusuf al-Aisary.(2007) *Pengantar Mudah Belajar Bahasa Arab*. Bandung: Pustaka Adhwa.
- Abd al-Hamid Abdullah dan Nasir Abdullah al-Ghali(1991). *Usus Idad al-Kutub al-Talimiyyah li Ghayr al-Natiqan bi al-Arabiyyah* Dar al-Ghali.
- Abdullah @Mohd. Noor Endut. (1993). *Pengajaran Bahasa Arab Kaedah Komunikasi*, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Anjuran Bersama Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Maktab Perguruan Islam Bangi, Selangor Darul Ihsan.
- Ali al-Qasimi dan Muhammad Ali al-Sayyid (1991) *al-Tiqniyyat al-Tarbawiyah fi Talimal-Lughah al-Arabiyyah li al-Natiqin bi Lughat Ukhra*, al-Ribât: al-Munawaamah al-Islâmiyyah li al-Tarbiyyah wa al-‘Ulûm wa al-Thaqâfah-ISESCO.
- Che Radiah Mezah & Norhayuza Mohamad *Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab teori dan Aplikasi* –Penerbit UPM Serdang 2011
- Che Radiah Mezah & Raja Masittah Raja Ariffin *Pengajaran Bahasa Arab Warga Emas U3a Serdang:Satu Kajian Penerokaan* (2011) Prosiding International Conference And Exhibition On Research In Islamic And Arabic Language Education 2011 (Iceriale 2011) Enhancing Islamic And Arabic Language Education Through Quality Research
- Fadzilah Haji Amzah. (2007). *Pembinaan Modul Pengajaran Sajak Berlandaskan Pendekatan Respons Pembaca*, Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

- Gagne. M.G., Wager. W. W. & Keller. M. J. (2005.) *Principles of Instructional Design*. 5th Edition. Los Angeles: Thompson Wadsworth.
- Gazilah Mohd. Isa.(2012). *Pembinaan dan penilaian modul pengajaran pola ayat Bahasa Arab* Thesis Ph.D. Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya,
- Hamid, A. W. (1998). *Access to Qur'anic Arabic*. London NW4 2RX, UK: MELS.
- Husaini Kasran (2014) *Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Warga Emas* Thesis sarjana Universiti Putra Malaysia
- Ibrahim Abdullah (1999) *Penyediaan Buku Teks Untuk Orang Dewasa* Thesis sarjana Universiti Malaya
- Ishak Mohd. Rejab. (1993) *Pengajaran Bahasa Arab: Cabaran dan Wawasan*, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Anjuran Bersama Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pendidikan Islam dan Moral, KPM dan MPI Bangi, Selangor Darul Ihsan.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamod & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2009). *Konseptualisasi model pengajaran strategi pembelajaran bahasa kedua/asing*. Proceedings of 2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning Amongst Non-Native Speakers, Vol 2:511-523.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Modul Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Pendidikan
- Knowles .M.S (1975) *Self Directed Learning –A Guide For Learners And Teachers* Chicago Follet Publishing Company
- Knowles .M.S (1990) *The adult Learner: A neglected species* Houston TX Gulf Publishing
- Lubna Abd Rahman, A. A. (2008). *Mengenali bahasa Arab menerusi Al-Quran*. Nilai: Penerbit USIM.
- Lubna Abd Rahman dan rakan-rakan.(2007) *Kesedaran Orang Awam terhadap Kepentingan Bahasa Arab: kajian dalam Kursus Bahasa Arab*. Prosiding Malaysia International Conference on Foreign Language (14-15 Ogos 2007)Putrajaya Marriot Hotel (hal 144-149)
- Mazanah Muhamad A.A (2002) *Prinsip Pemelajaran Orang Dewasa* Utusan Publications & Distributor .
- Mat Taib Pa & Mohd Rosdi Ismail (2006). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Shahrizal Nasir , Mohd Firdaus Yahaya & Muhammad Sabri Shahrir. (2013). *Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam*. Kertas kerja dibentangkan dalam 4th Malaysia International Conference on

- Foreign Languages, 3-4 July 2013, Kompleks Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh, Melaka, Malaysia.
- Mohd Puzhi Usop & Mohammad Seman. (2010). *Al 'Arabiyyah li al 'Ibadah*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara.
- Mohd Puzhi Usop et Al (2011) *Miftahul Arabiyah Al Kitabul Awal* UIAM Press Majlis penerbitan Ilmiah Malaysia
- Mohd Puzhi Usop et Al (2011) *Miftahul Arabiyah Al Kitabu Thani* UIAM Press Majlis penerbitan Ilmiah Malaysia
- Muhammad Taha Ariffin (1994) *Manhaj Muqtarah Litaalim Allughah Arabiyyah Kalughatusaniah Lilkibar Fi Malizia* Thesis sarjana UIAM
- Muhammad Hisham Mohammad (2008). *Pembelajaran Sepanjang Hayat Teras Pembangunan* (IKIM), Utusan Malaysia 15 Februari 2008.
- Muwaffaq Muhammad Jawad al Muslih.(2009). *Al Dafti'- al Zakirah- al 'Umr -wa Ta'allum al Lughat alAjnabiyyah-* Dirasat. <http://aliraqnews>.
- Mustaffa Abdullah (2000) *Cara Mudah belajar bahasa Arab* Kuala Lumpur Percetakan Zafar Sdn Bhd
- Mohd Azhar Abdul Hamid A.A (2004) *Andragogi Mengajar Orang Dewasa Belajar* Pts Publications& Distributor .
- Ralph W. Tyler. (1969.) *Basic Principles of Curriculum and Instruction*, Terjemahan Hj.Kamaruddin Hussin dan Hazil Abdul Hamid. 1992, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rosniza Rahmat. 1999. *Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri (MPK) Bagi Klinik Pemulihan Bahasa Inggeris*, Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rosni Samah, (2012). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sainei @saini bin andamit @ag. Damit (2010) *Penyediaan Dan Penilaian Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Universiti* Thesis PHD Universiti Malaya.
- Schlepppegrell, Mary. (1987). *The Older Language Learner*. Eric Clearinghouse On Languages And Linguistics: Washington DC
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan. Falsafah, Teori dan Praktis*, Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2005). *Pembinaan Modul* ,Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Suhaila Zailani et al (2012) *Modul pengajaran dan pembelajaran bahasa arab Menerusi al-quran* Persidangan kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab
- Sumiyarno, (2007). *Pembelajaran Orang Dewasa Berbasis Andragogi: Tinjauan Teori*. Jurnal Ilmiah VISI PTK-PNF- Vol 2, No 1-2007..
- Ṭu'aymah , Rushdi Ahmad (1989). *T'alīm Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Ghair Al-Nātiqīn Bihā:Manāhijuhū wa Asālibuhū*. Rabat: ISISCO.

- Ṭu‘aymah , Rushdi Ahmad (2004). *Al-Mahārāt al-Lughawīyyah: Mustawayātuhā, Tadrīsuḥā wa Ṣu‘ūbātuhā*. Kaherah: Dar al-Fiqr al-‘Arabi.Yalden, Janice. (1983). *The Communicative Syllabus Evolution, Design And Implementation*. Oxford: Pergamon Press.
- Zainuddin Ismail, Ibrahim Yaacob & Salamiah Ab. Ghani. (2010). *Asas bahasa Arab Melalui al-Quran*. Bangi: Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainul Rijal Abdul Razak & Rosni Samah (2007). *Kesan Bahasa Arab Dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.

Nor Yazidah Yahya
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia
E-mail: noryazidahy@yahoo.com

Che Radiah Mezah(Prof. Madya Dr)
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia
E-mail: cradiah@upm.edu.my

Dr. Nik Farhan Mustapha(Pensyarah Kanan)
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia
E-mail: farhan@upm.edu.my

Dr. Mohd Sukki Othman (Pensyarah Kanan)
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia
Email: msuki@upm.edu.my